

Sana OK sini pula terjejas

■ Nelayan resah benteng elak hakisan ombak jejas jeti

Zaid Salim
am @hmetro.com.my

Kuala Nerus

Tindakan segera kerajaan mengatasi hakisan teruk di pengkalan nelayan Kampung Kolam di Pantai Mengabang Telipot, di sini, memberi kelegaan kepada 50 nelayan dan penduduk kampung berkenaan. Di sebalik kelegaan itu, timbul pula keresahan dalam kalangan nelayan di Pengkalan Jantan, di sini, apabila jeti yang menjadi nadi mereka bakal dibawa arus akibat hakisan pantai yang kini merebak ke kawasan berkenaan.

Nelayan, Anuar Abdullah, 40, dari Kampung Pengkalan Maras, di sini, berkata, hakisan di pantai itu menyec-


babkan satu daripada dua lampu limpah menerangi kawasan pantai di situ sudah tumbang.

"Lampu limpah ini tumbang lima hari lalu selepas kawasan pantai di Kampung Kolam ditambak batu bagi mengelak jalan di kawasan berkenaan runtuh.

"Kami tidak salahkan pembinaan benteng di kawasan itu kerana memang tindakan terbabit patut diambil bagi menyelamatkan keadaan tetapi pada masa kami pula menerima kesannya.

"Saya berharap kerajaan jangan terlepas pandang dan ambil langkah segera sebelum keadaan menjadi parah. Kami tidak mahu apa yang berlaku di Pengkalan Kampung Kolam berlaku pula di sini," katanya ketika ditemui di pengkalan itu, semalam.

Seorang lagi nelayan, Mo-



ANUAR bersama Mohd Nasir melihat kesan hakisan di Pengkalan Jantan.

hd Nasir Ghazali @ Sidek, 40, berkata, jika tidak ada langkah segera dibuat tidak mustahil pengkalan yang menempatkan peralatan nelayan seperti mesin tarik bot, bilik

menyimpan enjin dan pukot serta tempat rehat hanyut dibawa arus.

"Januari lalu jarak antara pantai dan pengkalan 50 meter, tetapi kini menjadi

satu meter saja.

"Kami tidak mampu berbuat apa-apa bagi mengelak hakisan terus berlaku dan hanya mampu berdoa semoga Allah menyelamatkan pengkalan ini yang bertahun digunakan nelayan di sini untuk mencari rezeki," katanya.

Tinjauan Harian Metro di kawasan berkenaan mendapati pengkalan yang 400 meter dari Pengkalan Kampung Kolam itu hanya menunggu waktu untuk ditarik ombak ke laut.

Tindakan sementara membina benteng bagi mengelak hakisan yang hampir meruntuhkan jalan utama di Pantai Mengabang Telipot menyebabkan kawasan pantai sepanjang 500 meter ke Kampung Pengkalan Maras semakin terjejas.

Sebelum ini dilaporkan kerajaan negeri

menunggu laporan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sama ada mahu menggunakan konsep groin (menyekat pergerakan arus pesisir daripada membawa bahan yang dihakis) atau pemecah ombak bagi menangani masalah hakisan pantai di kawasan Pantai Mengabang Telipot.

Kerajaan negeri dilaporkan melakukan persediaan awal terhadap masalah hakisan di sepanjang pantai yang terhakis.

Tindakan itu diambil berikutan masalah hakisan di kawasan berkenaan semakin parah apabila jalan yang menghubungkan Mengabang Telipot-Pengkalan Maras runtuh akibat dibadai ombak dan angin kencang.

Ketika ini, kedudukan jalan dengan pantai tertabit tidak sampai 50 meter dan penduduk semakin dihimpit keresahan kerana musim tengkujuh diramal penuh sepenuhnya pada Mac ini.

Penduduk di tiga kampung iaitu di Kampung Tanjung Gelam, Kampung Tengah dan Kampung Kolam tidur tidak lena dengan masalah hakisan pantai yang mula dikesan sejak 10 tahun lalu terutama menjelang penghujung Oktober.

FAKTA
Masalah hakisan di sepanjang pantai semakin parah



PENDUDUK melihat lampu limpah di Pengkalan Jantan yang tumbang akibat hakisan.